

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 16 SEPTEMBER 2023

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 32

'Teknologi AI hanya pelengkap, bukan pengganti pekerja'

'Teknologi AI hanya pelengkap, bukan pengganti pekerja'

Situasi lebih kepada anjakan paradigma rumuskan idea untuk kerja masing-masing

Oleh Mahanum Abdul Aziz
mahanum_aziz@bh.com.my

Penggunaan teknologi kecerdasan buatan (AI) akan mengalihkan tumpuan dalam sesetengah pekerjaan, namun bukan menggantikan sepenuhnya pekerjaan.

Timbalan Menteri Ekonomi, Datuk Hanifah Hajar Taib, berkata berdasarkan laporan *The Economic Impact of Generative AI: The Future of Work in Malaysia* menunjukkan 75 peratus responden yang dikaji optimis bahawa teknologi sedemikian membantu mereka dalam merumuskan idea untuk kerja masing-masing.

Malah, katanya hampir dua pertiga daripada tenaga kerja Malaysia juga berpotensi menggunakan AI generatif sehingga 20 peratus daripada aktiviti kerja tetap mereka.

Justeru, situasi itu menunjukkan penggunaan teknologi AI generatif lebih kepada anjakan paradigma yang akan mentakrifkan semula fokus dalam pekerjaan dan bukannya menggantikan



Hanifah Hajar bersama Fabian Bigar (kanan) dan Pengarah Urusan Microsoft Malaysia, K Raman (dua dari kiri) ketika melancarkan program Kesan Ekonomi AI Generatif, Laporan Masa Depan pekerjaan di Malaysia di Putrajaya, semalam.

(Foto Hazreen Mohamad/BH)

pekerjaan sepenuhnya.

"AI generatif sudah ada di sini. Mereka yang boleh memanfaatkan teknologi dengan berkesan akan mendapati diri mereka mendapat kelebihan, dan ini akan berlaku di seluruh perniagaan dan tempat kerja di seluruh dunia," katanya pada pelancaran laporan itu di Putrajaya, semalam.

Hadir sama, Ketua Pegawai Eksekutif MyDIGITAL dan Ketua Malaysia Centre for Fourth Industrial Revolution (Malaysia Centre 4IR), Fabian Bigar.

AI generatif merujuk kepada subset teknik dan teknologi AI yang direka untuk menjana kandungan atau data baharu dan bukannya menganalisis atau memproses maklumat sedia ada.

Mengulas lanjut, Hanifah Hajar berkata, laporan yang dikeluarkan Malaysia Centre 4IR itu juga menunjukkan teknologi AI generatif berpotensi membuka kapasiti produktif ekonomi Malaysia bernilai AS\$113.4 bilion jika ia diterima pakai sepenuhnya merentas industri.

Beliau berkata, jumlah itu bersamaan dengan satu perempat daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) negara pada 2022.

Negara berpendapatan tinggi

Katanya, pertumbuhan produktiviti adalah pemacu utama pertumbuhan ekonomi bagi mana-mana ekonomi dan jika negara boleh membuka kunci potensi yang belum diterokai itu melalui penggu-

naan AI generatif, ia membawa negara lebih dekat untuk mencapai matlamat menjadi negara berpendapatan tinggi.

Hanifah Hajar berkata, AI generatif berpotensi menyumbang secara ketara ke arah mempercepatkan pencapaian objektif dan aspirasi Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK12) dan Pelan Induk Perindustrian Baharu (NIMP) dengan memacu inovasi serta pertumbuhan ekonomi.

Katanya, dalam konteks RMK12, teknologi AI generatif boleh dimanfaatkan untuk mengoptimalkan peruntukan sumber dan pembangunan infrastruktur.

"Analitik jangkaan dipacu AI boleh membantu mengunjurkan permintaan untuk perkhidmatan

kritikal seperti penjagaan kesihatan, pendidikan dan pengangkutan, membolehkan kerajaan memperuntukkan sumber dengan lebih cekap.

"Selain itu, generatif AI boleh memudahkan penggubalan dasar dipacu data, membolehkan penggubal dasar menilai kesan pelbagai strategi dan membuat keputusan termaklum untuk pembangunan ekonomi yang mampan," katanya.

Hanifah Hajar berkata, NIMP telah mengenal pasti penggunaan teknologi sebagai pemacu utama untuk membangunkan negara yang bertenaga secara digital.

Beliau berkata, ia diperincikan dalam Misi 2 NIMP yang menetapkan matlamat bercita-cita tinggi untuk meletakkan Malaysia sebagai peneraju pasaran dalam AI generatif dan mengukuhkan kehadiran negara dalam pasaran serantau dan global dengan membangunkan syarikat AI tempatan yang mempunyai keupayaan sistem penepadu.

"Walaupun matlamat ini mungkin bercita-cita tinggi, ia tidak mustahil kerana kita telahpun melaksanakannya melalui Dasar Revolusi Perindustrian Keempat Negara (4IR) dan Pelan Hala Tuju AI Kebangsaan Malaysia (AI-RMAP).

"Secara keseluruhannya, AI generatif berfungsi sebagai pemangkin untuk mencapai objektif RMK12 dan NIMP 2023 dengan menggalakkan keputusan dibuat berasaskan data dan memajukan keupayaan teknologi negara," katanya.